

Dawabit Fatwa Mengubah Ciptaan Allah yang Diharamkan Menurut Ulama

[Dawabit Fatwa Altering God's Creation which is Forbidden according to The Ulema]

Muhammad Afifi Azahar & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim^{1*}

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: afifiazahar24@gmail.com, izhar@ukm.edu.my

*Corresponding Author: izhar@ukm.edu.my

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 114-126
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 14 August 2023
Accepted: 24 August 2023
Published: 11 September 2023

Abstrak

Dewasa ini, terdapat banyak rawatan dan alat kecantikan moden yang dihasilkan dan kemungkinan menyebabkan berlakunya pengubahan terhadap ciptaan Allah SWT. Mengubah ciptaan Allah SWT merupakan perbuatan yang diharamkan dalam agama menerusi al-Quran dan hadith. Rasulullah SAW turut menjelaskan bahawa perbuatan ini mendapat laknat daripada Allah SWT. Walau bagaimanapun terdapat perkara yang pada zahirnya mengubah ciptaan Allah, tetapi tidak dihukum haram sebaliknya dihukum wajib, sunat dan harus seperti dalam hal berkhatan, mengerat kuku dan memotong rambut. Para ulama berbeza pendapat dalam menilai punca pengharaman dan maksud sebenar mengubah ciptaan Allah SWT yang dilarang dalam Islam. Oleh itu, matlamat artikel ini adalah mengkaji *dawābiṭ* fatwa mengubah ciptaan Allah yang diharamkan menurut ulama. Pengumpulan data kajian kualitatif ini adalah melalui analisis dokumen ke atas kitab-kitab, tesis, dan artikel jurnal. Penganalisisan pula adalah secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa *dawābiṭ* ini telah berjaya menjelaskan hukum terhadap rawatan-rawatan baharu yang diperkenalkan untuk kosmetik dan kecantikan. Justeru, dengan adanya *dawābiṭ* ini, dapat menghindarkan masyarakat daripada melakukan perkara yang diharamkan dalam agama tanpa sedar. Kajian ini penting kerana dapat menjelaskan *dawābiṭ* yang tepat sebagai rujukan kepada masyarakat pada masa kini yang mana teknologinya berkembang dengan sangat pesat dan canggih.

Kata kunci: Mengubah Ciptaan Allah, *Dawābiṭ*, Rawatan, Kecantikan, Fatwa

Abstract

In this era, there are many modern beauty treatments and devices that have been developed, which may potentially lead to alterations of Allah's creation. Altering the creations of Allah SWT is a forbidden act in religion, as stated in the Quran and Hadith. The Prophet Muhammad SAW also explained that such actions receive condemnation (laknat) from Allah SWT. However, there are certain things that, despite appearing to alter Allah's creation, are not deemed forbidden (haram); instead, they are considered obligatory (wajib), recommended (sunat), or necessary, as seen in the cases of circumcision, trimming nails, and cutting hair. Scholars have different opinions when it comes to assessing the reasons for the prohibition and the true meaning of altering Allah's creation, which is forbidden in Islam. Therefore, the purpose of this article is to examine the principles of fatwas (Islamic legal rulings) regarding the prohibited act of altering Allah's creation according to scholars. The data collection for this qualitative study is done through document analysis of books, theses, and journal articles. The analysis is conducted descriptively. The study's findings reveal that these principles (*dawābiṭ*) have successfully explained the legal rulings regarding the newly introduced treatments for cosmetics and beauty. Therefore, with the presence of these principles (*dawābiṭ*), society can avoid engaging in prohibited actions in religion unknowingly. This study is significant

because it can provide a clear explanation of the accurate principles (*dawābiṭ*) as a reference for the contemporary society, where technology is rapidly advancing and becoming sophisticated.

Keywords: Altering Allah's Creation, *Dawābiṭ*, Treatments, Beauty, Fatwa.

Cite This Article:

Muhammad Afifi Azhar & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2023). Dawabit Fatwa Mengubah Ciptaan Allah yang Diharamkan Menurut Ulama [Dawabit Fatwa Altering God's Creation which is Forbidden according to The Ulema]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 114-126.

Pengenalan

Dunia hari ini menyaksikan kemajuan teknologi bergerak seiring dengan era kemodenan. Pelbagai teknologi dan inovasi dicipta demi mencapai dan melestarikan kemudahan bagi manusia. Para ilmuwan dan sarjana di seluruh dunia mengerahkan idea mereka sehingga mampu menghasilkan alat yang begitu canggih dalam pelbagai bidang sama ada dari sudut ekonomi, elektronik, pendidikan, kesihatan, perubatan dan seumpamanya. Rawatan moden telah diperkenalkan dalam dunia perubatan dan mendapat perhatian masyarakat di seluruh dunia. Jika sebelum ini, perubatan hanya diperlukan oleh golongan yang menghidapi penyakit, namun pada hari ini golongan yang sihat juga mendapatkan rawatan di hospital untuk menambah kecantikan rupa paras. Rawatan ini dikenali dengan nama pembedahan plastik atau kosmetik iaitu untuk meningkatkan seri penampilan seseorang. Pembedahan ini memberi fokus kepada pembesaran payudara, kontur wajah dan dagu, kontur badan dan peremajaan kulit serta wajah.

Korea merupakan antara negara yang popular yang menawarkan pembedahan plastik bagi mencapai rupa bentuk idaman seseorang. Mereka sanggup membelanjakan ribuan ringgit demi memiliki rupa bentuk tubuh yang diinginkan. Menurut kajian antarabangsa yang disiarkan dalam *International Medical Travel Journal*, Korea Selatan menduduki tempat kelima dari segi bilangan pelaksanaan pembedahan plastik di dunia. Sebanyak 5.4 peratus daripada jumlah doktor di negara itu adalah pakar bedah plastik. Negara tersebut turut menawarkan pakej pelancongan pembedahan plastik yang merangkumi aspek penginapan, rawatan susulan dan lain-lain impak daripada permintaan yang tinggi oleh masyarakat di seluruh dunia dari negara berkenaan (Astro Awani, 2019).

Sebahagian kemajuan teknologi khususnya bidang perubatan moden yang menawarkan pembedahan plastik atau kosmetik telah mengubah ciptaan Allah SWT ke atas tubuh badan manusia, sedangkan perkara tersebut dilarang oleh Allah SWT serta rasul-Nya. Surah al-Nisā' ayat 119 serta hadith riwayat 'Abdullāh bin Mas'ūd menjadi asas dalam membahaskan isu mengubah ciptaan Allah SWT yang dilarang dalam agama Islam. Ketiadaan atau ketidakjelasan garis panduan dalam mendapatkan rawatan untuk kecantikan, menyebabkan masyarakat tidak tahu serta keliru dalam memahami konsep mengubah ciptaan Allah yang diharamkan.

Oleh itu, artikel ini akan menjelaskan *dawābiṭ* mengubah ciptaan Allah SWT serta '*illah*' yang menyebabkan ia dilarang dalam agama. *Dawābiṭ* ini akan menjadi panduan buat para doktor dan masyarakat Islam di seluruh dunia dalam melakukan sebarang rawatan agar tidak terjerumus sehingga melakukan perkara yang diharamkan dalam syariat.

Maksud Mengubah Ciptaan Allah Swt dalam al-Quran menurut Ulama Tafsir

Para ahli tafsir berbeza pendapat dalam memahami serta meletakkan makna yang disepatutnya bagi “mengubah ciptaan Allah SWT” dalam surah al-Nisā’ ayat 119.

وَلَا يُضْلِلُنَّهُمْ وَلَا مُنِيبُهُمْ وَلَا أَمْرَنَّهُمْ فَلَيَبْتَكِنَ عَادَانَ الْأَنْعَمَ وَلَا أَمْرَنَّهُمْ فَلَيَغِيَرُنَ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذُ الشَّيْطَانَ وَلِيَّا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ حَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan anan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membela telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah”. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.” (al-Nisā’ 4: 119)

Secara literalnya ayat di atas menunjukkan bahawa mengubah ciptaan Allah tanpa keizinan daripada syarak adalah salah, sekali gus dikira sebagai melakukan maksiat kepada Allah SWT (Al-Qurtubī, 2007).

Perbezaan pendapat di kalangan ulama yang berlaku dalam masalah ini boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu pengubahan terhadap aspek spiritual dan aspek fizikal (al-Naysābūrī, 1995).

Aspek Spiritual

Tafsiran bagi ayat di atas menurut ahli tafsir terdapat dua kelompok dengan pandangan yang berbeza (al-Rāzī, 1997). Yang pertama, Ibn ‘Abbās, al-Hasan, Qatādah, Mujāhid, al-Dāhhāk, Sa‘īd bin Jubayr mentafsirkan ayat di atas kepada mengubah agama Allah SWT yang suci (al-Rāzī, 1997). Mereka berdalilkan ayat 30 surah al-Rūm bagi menyokong penentuan makna terhadap ayat tersebut. Allah SWT berfirman: (فِطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ) iaitu larangan mengubah agama Allah SWT (al-Tha‘labī, 2002). Allah SWT menjadikan agama Islam sebagai fitrah dalam diri setiap umat manusia. Manusia bersaksi bahawa Allah SWT adalah Tuhan mereka ketika di alam roh, lalu jika mereka mengingkari hal yang demikian ketika di alam dunia maka mereka telah mengubah fitrah yang asal tersebut. Ibn Kathīr (1419H) berkata “inilah yang dimaksudkan oleh hadith Nabi SAW”:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَإِبْوَاهُ يُهَوَّدَانِهُ، أَوْ يُنَصَّرَانِهُ، أَوْ يُمَجِّسَانِهُ

Maksudnya: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian orang tuanya lah yang menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi (al-Bukhārī, 2010: 1385)

Kedua, al-Baghawī (1997) dan Tāhir Ibn ‘Āshūr (1984), Ibn al-Jawzī (1422H), al-Nahhā (1409H) menafsirkan pengubahan dalam ayat tersebut adalah mengubah syariat Allah iaitu; mengubah sesuatu yang halal kepada haram dan yang haram kepada halal.

Al-Zajjāj pula berpendapat maksud pengubahan dalam ayat tersebut adalah mengubah ciptaan Allah menjadi tuhan; iaitu mensyirikkan Allah. Allah SWT menciptakan haiwan ternakan, matahari, bulan, bintang, batu, laut, bukit dan lain-lain ciptaan-Nya adalah untuk dimanfaatkan dengan pelbagai kegunaan, namun orang-orang musyrik menjadikan perkara tersebut sebagai tuhan yang disembah (al-Tha‘labī, 2002; Abū Hayyān, 1999; Tāhir Ibn ‘Āshūr, 1984).

Aspek Fizikal

Para ahli tafsir berbeza pandangan ketika menentukan maksud pengubahan makhluk ciptaan Allah menerusi ayat 119 surah al-Nisa’ di atas. Terdapat tiga tafsiran terhadap ayat ini:

Pertama: Anas, Ibnu Hawshab, ‘Ikrimah, Abū Ṣalīḥ berpegang bahawa tafsiran yang tepat bagi maksud pengubahan tersebut adalah melakukan pemandulan ke atas haiwan (al-Ṭabarī, 2001). Oleh yang demikian Saidina Anas tidak melakukan pemandulan terhadap kambing kerana ia ditegah dalam al-Quran (al-Rāzī, 1997).

Kedua: Ibnu Zayd pula menafsirkan ayat tersebut kepada pengubahan jantina dari lelaki menjadi wanita dan sebaliknya (al-Rāzī, 1997). Selain itu, mereka yang mengubah fitrah naluri manusia juga termasuk dalam larangan daripada surah ini seperti melakukan hubungan sesama jantina atau sumbang mahram (Abū Hayyān, 1999).

Ketiga: Menurut Ibnu Mas‘ūd dan al-Hasan, ayat tersebut merupakan isyarat kepada larangan bertatu, menjarangkan gigi atau segala pengubahan yang bertujuan untuk kecantikan (al-Ṭabarī, 2001; Ibnu al-Faras, 2006). Pendapat ini bersandarkan kepada hadith Nabi Muḥammad SAW yang berbunyi:

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاثِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ، وَالْمُتَنَقِّبَاتِ، وَالْمُتَنَقِّبَاتِ لِلْحُسْنِ، الْمُغَيْرَاتِ خَلْقُ اللَّهِ

Maksudnya: Allah SWT melaknat wanita-wanita yang mentatu dan yang meminta ditatu, wanita-wanita yang mencukur kening, dan wanita-wanita yang merenggangkan gigi untuk tujuan kecantikan dengan mengubah ciptaan Allah SWT. (al-Bukhārī, 2010: 5492)

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada dua kategori pendapat ulama di atas, al-Ṭabarī (2001) mentarjihkan pendapat pertama iaitu dari aspek spiritual yang berpegang dengan tafsiran mengubah ciptaan Allah SWT adalah bermaksud mengubah agama-Nya. Hal ini kerana ia dikuatkan dengan ayat ke-30 surah al-Rūm yang menafsirkan ayat tersebut. Para ulama bersepakat bahawa peringkat tertinggi dalam pentafsiran adalah tafsir al-Quran dengan al-Quran (al-Ṭayyār, 2002).

Maksud Mengubah Ciptaan Allah dalam Hadith di Sisi Ahli Hadith

Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud yang menyentuh tentang masalah mengubah ciptaan Allah SWT:

لَعْنَ اللَّهِ الْوَالِشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ، وَالْمُتَنَمِّصَاتِ، وَالْمُتَنَقِّبَاتِ لِلْحُسْنِ، الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ

Maksudnya: Allah SWT melaknat wanita-wanita yang mentatu dan yang meminta ditatu, wanita-wanita yang mencukur kening, dan wanita-wanita yang merenggangkan gigi untuk tujuan kecantikan dengan mengubah ciptaan Allah SWT. (al-Bukhārī, 2010: 5492)

Hadith di atas menerangkan tentang jenis-jenis perhiasan yang dilarang dalam Islam yang pernah dilakukan oleh sebahagian wanita-wanita ketika zaman Rasulullah SAW. Baginda juga menjelaskan bahawa pelaku hal yang demikian akan dilaknat dan dijauhkan daripada Rahmat Allah SWT. Oleh itu kesemua perbuatan tersebut adalah berdosa besar kerana terdapat janji laknat daripada Allah SWT (al-Qurṭubī, 1996).

Dalam hadith di atas, terdapat dua punca larangan tersebut berlaku antaranya kerana mengubah ciptaan Allah SWT dan yang kedua kerana berlaku *tadlīs* atau penipuan (al-Kirmānī, 1981; al-Khaṭṭābī, 1988).

Perbezaan Pendapat Mengenai ‘*illah* Larangan dalam Hadith

Para ulama berselisih pendapat dalam mengeluarkan ‘*illah* pengharaman terhadap jenis-jenis kelakuan berhias yang disebutkan dalam hadith di atas (al-Qurṭubī, 1964). Terdapat dua pendapat dalam masalah ini:

Pertama: ‘*illahnya* adalah mengubah ciptaan Allah SWT (al-Athyūbī, 1424H; al-Muqaddam, 1993). Oleh itu, kaum lelaki dilarang mencukur janggut kerana ia termasuk dalam makna hadith Nabi (النَّصْ) iaitu mencukur bulu kening. Al-Muqaddam (1993) pula mengiaskan larangan mencukur bulu kening dengan bulu-bulu lain di wajah. Menurutnya lagi memelihara janggut adalah sunnah para Nabi yang perlu diikuti dan tidak boleh diingkari seperti yang di sebut dalam al-Quran:

فَلَمْ يَبْتُؤُمْ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِي ...

Maksudnya: “Wahai anak ibuku! Janganlah engkau meragut janggutku dan janganlah menarik rambutku” (Tāhā 20: 94)

Kedua, ‘*illahnya* adalah *tadlīs* atau penipuan (al-Nawawī, 1971; al-Qarāfī, 1994). Perbuatan mencukur kening serta menjarangkan gigi yang dilakukan oleh wanita-wanita terdahulu adalah untuk menampakkan diri mereka muda serta kelihatan lebih menawan. Hal ini sebenarnya adalah satu bentuk *tadlīs* atau penipuan terhadap kaum lelaki agar terpesona dengan

kecantikan wanita-wanita tersebut (al-Qarāfī, 1994). Jelaslah bahawa tujuan mereka mencukur kening serta menjarangkan gigi adalah untuk menambah kecantikan supaya boleh menaikkan mahar perkahwinan (al-Qarāfī, 1994).

Sebahagian ulama menolak ‘illah yang pertama iaitu yang berpendapat mengubah ciptaan Allah sebagai ‘illah. Ini kerana ia bercanggah dengan kaedah iaitu; “bukan semua pengubahan adalah haram”. Sedangkan salah satu daripada syarat-syarat ‘illah seperti yang dibahaskan dalam ilmu usul fiqh iaitu ‘illah mestilah bersifat konsisten (al-Baidāwī, 2008). Sekiranya wujud ‘illah maka wujudlah hukum, dan jika tiada ‘illah maka tiadalah hukum (al-Baidāwī, 2008). Oleh itu, jika ‘illah itu bercanggah dengan hukum, maka ia tidak layak dijadikan ‘illah (al-Mahallī, 1999). Menurutnya dalam hal ini, Allah SWT sendiri membatalkan ‘illah tersebut apabila mensyariatkan khatan, memotong kuku, mencukur rambut, misai, bulu kemaluan, dan mencabut bulu ketiak. Kesannya, mengubah ciptaan Allah tidak boleh dijadikan ‘illah pengharaman dalam hadith tersebut kerana ia tidak bersifat konsisten (‘Uwaydah, t.th).

‘Uwaydah (t.th) turut menjelaskan bahawa dalam hadith tersebut tidak terdapat ‘illah kerana tidak mencukupi syarat-syarat membina ‘illah. Sebaliknya pengharaman berlaku apabila berlebih-lebihan dan melampaui had dalam berhias. Oleh itu, perkataan Nabi SAW (المغیرات خلق الله) adalah sebagai sifat sekiranya perbuatan tersebut berlebihan sehingga jelas menampakkan mengubah ciptaan Allah SWT (‘Uwaydah, t.th). Ini bermakna sekiranya pengubahan yang dilakukan dengan kadar yang sedikit sahaja seperti mencukur lima helai bulu kening dan menjarakkan sedikit gigi maka tidak jatuh haram kerana tidak jelas perubahan itu. Namun jika dilakukan secara berlebihan seperti mencukur separuh bulu kening, inilah yang dihukum haram kerana jelas menampakkan pengubahan tersebut lalu dikira mengubah ciptaan Allah SWT.

Walau bagaimanapun Ibn Mas‘ūd yang merupakan perawi bagi hadith ini mentarjihkan ‘illah yang pertama iaitu mengubah ciptaan Allah sebagai ‘illah (al-Qurtubī, 1964). Imam al-Tabarī (2001) menegaskan bahawa hadith Ibn Mas‘ūd ini menjadi dalil kepada pengharaman para wanita melakukan sebarang pengubahan terhadap anggota tubuh mereka sama ada untuk menambah atau mengurangkannya. Begitu juga para wanita dilarang mencukur segala bulu pada wajah seperti misai dan janggut kerana perkara tersebut akan membawa kepada pengubahan ciptaan Allah SWT yang diharamkan (Ibn Ḥajar, 1958; al-Qurtubī, 1996). Akan tetapi dalam mazhab Syafii perbuatan yang demikian itu sunat dilakukan oleh para wanita bagi menjaga maslahah mereka kecuali perbuatan mencukur bulu kening (al-Nawawī, 1971).

Dawabit Mengubah Ciptaan Allah yang Diharamkan

Bukan semua pengubahan dihukumkan haram walaupun pada zahirnya ia mengubah ciptaan Allah SWT. Ini kerana terdapat pengubahan yang diwajibkan dan disunatkan seperti berkhitan, mencukur rambut ketika berihram, memotong kuku, mencukur bulu kemaluan dan sebagainya (Tāhir Ibn ‘Āshūr, 1984). Malah, pengubahan dalam hal ini merupakan suatu ibadah kepada Allah SWT jika diniatkan untuk *taqarrub*.

Oleh itu, para ulama telah menyusun dan menetapkan *dawābit* mengubah ciptaan Allah yang diharamkan dalam Islam.

Memudaratkan Diri dan Nyawa

Tāhir Ibn ‘Āshūr (1984) menjelaskan segala bentuk pengubahan ke atas ciptaan Allah adalah diharamkan berdasarkan kepada zahir ayat 119 surah al-Nisā’ dan hadith riwayat Ibn Mas’ūd tersebut, melainkan bagi perkara-perkara yang dibenarkan dalam agama atas tujuan mencegah penyakit dan menolak kemudaratannya seperti dalam hal khatan.

Ibn ‘Atīyyah (2001) telah membina satu kaedah penting dalam perbahasan ini iaitu “sesuatu pengubahan yang memudaratkan tubuh badan dan nyawa akan membawa kepada pengharaman perkara tersebut, manakala pengubahan yang memberi manfaat adalah diharuskan dalam syariat” (Ibn ‘Atīyyah, 2001). Menurut al-Qādī ‘Iyad (1998), manusia dilarang memotong anggota yang berlebihan. Hal ini seperti seseorang yang mempunyai sebelas jari pada tangan, maka memotong satu jari yang lebih tersebut adalah dilarang. Tetapi sekiranya lebihan anggota tersebut memberi kemudaratannya pada diri dan nyawanya, maka diharuskan memotong lebihan anggota tersebut.

Dalam konteks semasa, pembedahan plastik kosmetik amat dititikberatkan berkaitan isu keselamatan diri serta nyawa bagi mereka yang mengambil risiko melakukan pembedahan ini. Antara kesan buruk yang berkemungkinan berlaku adalah kerosakan saraf, mati rasa, pendarahan, jangkitan kuman selepas operasi pembedahan, kematian dan sebagainya. Pembedahan menukar jantina adalah sangat berisiko tinggi dan merbahaya kepada diri dan nyawa (Laporan Utusan Malaysia, 2002). Seorang gadis bernama Chloe Cole yang berumur 17 tahun dari California mengakui berisiko menghidap penyakit kanser serviks akibat melakukan rawatan invasif penukaran jantina, beliau turut menceritakan kisah hidupnya yang pernah mengambil pil hormon untuk menghalang haid dan menjalani pembedahan penukaran jantina yang menyakitkan sehingga merosakkan badannya sejak dia berusia 13 tahun (Laporan Utusan Malaysia, 2022). Oleh itu, rawatan atau pembedahan yang membahayakan diri dan nyawa adalah diharamkan dalam Islam.

Pengubahan yang Mengikut Kehendak Hawa Nafsu

Syaitan sedaya upaya menghasut manusia melakukan kemungkaran kepada Allah SWT sehingga manusia itu dipenuhi dengan harapan-harapan kosong (al-‘Adawī, t.th; Ahmad Mukhtār ‘Umar, 2008). Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah dalam surah al-Nisā’ ayat 119: ﴿وَلَا يُنْهِمُهُمْ وَلَا مُنْهِمُهُمْ﴾. Pada akhir ayat ini Allah SWT memberi ancaman kepada mereka-mereka yang menjadi syaitan sebagai ikutan dalam kehidupan: ﴿وَمَنْ يَتَّخِذُ أَشَيْطَنَ وَلِيًّا مَنْ دُونَ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ حُسْرًا مُّبِينًا﴾.

Mencacah tatu pada anggota tubuh adalah perkara yang dilarang dalam agama dan dilaknat oleh Allah SWT seperti mana yang diberitakan dalam hadith Abdullah bin Mas’ud di atas bahkan ianya adalah amalan Arab jahiliah (al-Munjid, t.th). Proses membuat tatu adalah dengan mencucuk jarum ke tubuh badan manusia sehingga mengalir darah kemudian darah itu menjadi beku dan kekal (Mohammad Sufiyan Osman et.al, 2021). Ia bertujuan untuk menghiasi badan manusia dengan pelbagai gambar. Bahkan para ulama bersepakat bahawa kawasan yang bertatu adalah najis dan tatu tersebut menghalang air daripada meratai kulit. Selain itu ia menyakitkan dan memudaratkan tubuh badan (Ibn ‘Ābidīn 1966). Dalam masa yang sama,

perbuatan mencacah tatu ini adalah mengikut hawa nafsu semata-mata (Tāhir Ibn ‘Āshūr, 1984).

Seorang lelaki berusia 47 tahun dari Brazil yang dikenal dengan nama “Syaitan Manusia” telah membuat transformasi ke atas tubuh badannya untuk kelihatan seperti syaitan. Beliau mencacah tatu pada keseluruhan badannya dan mempunyai 33 implan tanduk di kepalanya. Tambahan pula beliau juga mengaku membuat prosedur paling merbahaya kepada dirinya apabila melakukan pembedahan membuang hujung hidungnya (Laporan Kosmo, 2023).

Tatu berbeza dengan inai walaupun persamaan kedua-duanya adalah untuk menghiasi tubuh badan. Namun bahan dan sifatnya adalah berbeza. Inai sifatnya sementara dan akan hilang setelah beberapa tempoh, berbeza dengan tatu yang bersifat kekal. Inai diharuskan dalam Islam bagi wanita-wanita berhias menggunakanannya.

Kesimpulannya, selagi mana perkara tersebut tidak mengikut hawa nafsu atau menyerupai syaitan maka ia diharuskan, dan jika mengikut hawa nafsu semata-mata maka haram hukumnya.

Pengubahan yang Bersifat Kekal ke Atas Anggota yang Sihat

Sekiranya perubahan yang berlaku adalah bersifat kekal maka ia dilarang dalam Islam kerana dikira sebagai mengubah ciptaan Allah. Hal ini seperti melakukan pembedahan plastik untuk mencantikkan bentuk wajah, memancungkan hidung atau membesarkan payudara atas tujuan kecantikan, yang kesemua pengubahan ini adalah bersifat kekal selamanya dan diharamkan dalam Islam.

Pembedahan plastik atau kosmetik adalah prosedur perubatan yang menawarkan pembentukan semula struktur badan individu kepada bentuk baru, sama ada daripada tidak normal kepada normal atau daripada kurang cantik kepada lebih cantik (Muhammad Naqib Hamdan et al, 2006). Walau bagaimanapun terdapat pembedahan yang diharuskan iaitu yang bertujuan untuk membaiki anggota tubuh atau mengembalikan fungsinya akibat kecederaan, penyakit dan kecacatan sejak lahir. Rawatan ini dibenarkan dalam agama kerana ia mempunyai faedah dan keperluan kepada manusia untuk memanfaatkan anggota tubuh yang Allah SWT kurniakan sebaik mungkin. Tambahan pula ia tidak dihukum mengubah ciptaan Allah SWT atas tujuan ini.

Oleh itu, sebarang rawatan bersifat kekal ke atas anggota tubuh yang sihat dengan bertujuan kecantikan adalah diharamkan dalam agama.

Tiada Keizinan atau Pengecualian dalam Syariat

Sebarang pengubahan yang tiada keizinan daripada syarak, adalah haram kerana termasuk dalam maksud mengubah ciptaan Allah SWT yang dilarang (al-Muqaddam, 1985). Sebagai contoh wanita yang sengaja mencukur bulu keping dan menjarakkan gigi agar kelihatan cantik adalah diharamkan kerana terdapat larangan dalam syariat. Sebaliknya dalam amalan berkhitanan, memotong kuku, mencukur rambut dan bulu ketiak dan kemaluan, adalah diharuskan kerana terdapat suruhan dalam agama untuk melakukannya walaupun pada hakikatnya mengubah ciptaan Allah SWT. Bahkan diberikan pahala jika melakukan amalan

tersebut dengan niat ibadah. Rasulullah SAW bersabda:

الْفِطْرَةُ حَمْسٌ: الْخِتَانُ، وَالْإِسْتِحْدَادُ، وَنَقْتُ الْإِبْطِ، وَقَصُّ الشَّارِبِ، وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ.

Maksudnya: Fitrah (sunat) itu ada lima; berkhatan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, mencukur misai, dan memotong kuku (al-Bukhārī, 2010: 6297)

Hadith di atas memberitahu tentang lima perkara yang merupakan sunnah para Nabi dan menjelaskan pengecualian daripada larangan mengubah ciptaan Allah SWT yang diharamkan.

Rawatan Untuk Kelihatan Cantik Semata-Mata

Melakukan pengubahan terhadap anggota tubuh badan semata-mata untuk kelihatan lebih menawan adalah dilarang dalam agama kerana terhadap tegahan dalam hadith dan merupakan satu bentuk penipuan atau *tadlīs*. Pembedahan plastik kosmetik bagi membesarlu payudara ke atas payudara yang sihat adalah haram perkara ini semata-mata untuk mencantikkan tubuh badan serta menarik perhatian masyarakat untuk memujinya diqias kepada hukum menjarakkan gigi untuk tujuan kecantikan dan dikira mengubah ciptaan Allah SWT (Ṣalāḥ Fawzān, 2009).

Namun sekiranya bertujuan untuk menghilangkan keaiban pada diri, atau membaiki kecacatan pada tubuh, menghilangkan kemudaratan maka dibenarkan dalam agama. Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنِ النَّاصِيَةِ وَالْوَاسِرَةِ وَالْوَاصِلَةِ وَالْوَاشِمَةِ إِلَّا مِنْ دَاءٍ

Maksudnya: Aku mendengar Rasulullah SAW melarang daripada mencabut bulu kening, menjarakkan gigi, menyambung rambut, dan mencacah tatu melainkan bagi mengubati penyakit (Ahmad, 1995: 3945).

Imam al-Shawkānī (1993) berkata, perkataan Nabi iaitu “melainkan bagi mengubati penyakit” menjadi isyarat kepada keharusan melakukan pengubahan ini sekiranya bertujuan untuk mendapatkan rawatan bagi menghilangkan kemudaratan, kecacatan dan keaiban pada diri.

Dalam sebuah hadith yang lain pula Rasulullah SAW membenarkan seorang sahabat bernama ‘Arfajah merawat hidungnya yang terputus ketika peperangan dengan menggantinya dengan hidung daripada emas.

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ طَرَفَةَ أَنَّ جَدَهُ عَرْفَجَةَ بْنَ أَسْعَدَ قُطِعَ أَنْفُهُ يَوْمَ الْكُلَّابِ، فَاتَّخَذَ أَنْفًا مِنْ وَرَقٍ، فَانْتَنَ
عَلَيْهِ، فَأَمْرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاتَّخَذَ أَنْفًا مِنْ ذَهَبٍ

Maksudnya: Daripada Abdul Rahman bin Ṭarafah bahawa datuknya ‘Arfajah ibn As‘ad hidungnya terpotong saat perang al-Kulāb. Lalu dia membuat hidung palsu daripada perak tetapi hidung tersebut menjadi busuk. Lalu Nabi SAW memerintahkan kepadanya (untuk membuat hidung daripada emas), hingga dia pun membuat hidung daripada emas (Abū Dāwūd 2013: 4232; al-Tirmidhī 2009: 1770; al-Nasā’ī 2021: 5161).

Hadith di atas menguatkan lagi bahawa pengubahan yang bertujuan untuk merawat dan menghilangkan kecacatan dibenarkan dalam agama. Tetapi haram sekiranya semata-mata untuk kecantikan kerana ia termasuk dalam maksud mengubah ciptaan Allah SWT yang mesti dihindarkan oleh seorang muslim. Justeru, pengubahan yang diharamkan dalam agama adalah yang bertujuan untuk kecantikan dan berhias semata-mata.

Berdasarkan *dawābiṭ* yang dinyatakan di atas, maka dapat dibina *dābiṭ* umum bagi pengubahan yang diharamkan iaitu “melakukan pengubahan yang kekal terhadap anggota tubuh yang sihat tanpa hajat dan tiada tuntutan dalam syariat”. Bermaksud, mengubah sesuatu anggota badan secara suka-suka atas tujuan kecantikan semata-mata adalah diharamkan dalam agama. Adapun pengubahan anggota badan yang selari dengan tuntutan syariat adalah harus seperti dalam urusan khatan, hudud, qisas dan seumpamanya. Hudud ialah hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas pesalah seperti penzina, pencuri, peminum arak dan pelaku qazaf. Manakala qisas pula ialah hukuman yang sama atau setimpal yang dilakukan oleh mangsa ke atas pesalah seperti dalam urusan patah tangan, mata buta, luka pada kepala dan sebagainya (al-Jazīrī, 2003).

Kesimpulan

Kemajuan teknologi dalam bidang pembedahan plastik dan kosmetik amat mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia khususnya golongan wanita. Mereka sanggup menghabiskan ribuan ringgit demi mendapatkan rupa paras idaman mereka agar kelihatan cantik dan jelita sehingga sanggup mengetepikan isu halal haram serta bahaya pada diri serta nyawa. Pelbagai jenis pembedahan kosmetik diperkenalkan dan sebahagiannya mengubah ciptaan Allah SWT. Hukum asal mengubah ciptaan Allah adalah diharamkan dalam agama melainkan beberapa perkara yang diberi keizinan atau pengecualian dalam syariat. Hal ini seperti lima perkara yang disebutkan dalam hadith iaitu khatan, mencabut bulu ketiak, mencukur misai serta rambut dan mengerat kuku demi maslahah seseorang.

Walau bagaimanapun larangan mengubah ciptaan Allah ini bukanlah bersifat umum kerana terdapat perkara yang diberi kelonggaran untuk melakukannya seperti dalam hal rawatan menghilangkan aib. Oleh itu, kewujudan *dawābiṭ* mengubah ciptaan Allah menjadi satu keperluan demi menjelaskan had yang dibolehkan dan had yang dilarang dalam agama. Artikel ini telah menjelaskan dengan terperinci berkenaan *dawābiṭ* mengubah ciptaan Allah yang diharamkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa *dawābiṭ* yang telah dihasilkan boleh menjadi rujukan buat masyarakat Islam khususnya dan berjaya mengawal masalah ini daripada terus berleluasa. Untuk kajian selanjutnya, pengkaji ingin mencadangkan untuk dikaji dari sudut pengaplikasian *dawābiṭ* mengubah ciptaan Allah SWT terhadap masalah-masalah baharu khususnya rawatan kosmetik untuk kecantikan.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai sepenuhnya oleh dana Ganjaran Penyelidikan UKM (GP-2021-K016288) yang diketuai oleh Prof Madya Dato Dr Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim.

Rujukan

- Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī al-Azdī. (2013). *Sunan Abī Dāwūd*. Dār al-Fikr.
- Abū Ḥayyān, Muḥammad ibn Yūsuf ibn ‘Alī. (1999). *Al-Bahr al-Muhiṭ fī al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Adawī, Abū ‘Abdullāh Muṣṭafā. (T.th) *Silsilat al-Tafsīr li Muṣṭafā al-‘Adawī*. al-Durūs al-Ṣawtiyyah, Raqm al-Dars 110.
- Aḥmad Mukhtār ‘Umar. (2008). *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- Aḥmad, Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal. (1995). *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Athyūbī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Ādam. (1424H). *Dhakhīrat al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*. Riyad: Dār al-Mi‘rāj al-Dawliyyah.
- Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn ibn Mas‘ūd. (1997). *Ma‘ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qurān*. Riyad: Dār Taybah.
- Al-Baydāwī, ‘Abdullāh ibn ‘Umar ibn Muḥammad. (2008). *Minhāj al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn Mughīrah. (2010). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn. (1966). *Hāshiyat Radd al-Muhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn ‘Atīyyah, Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaqq ibn Ghālib ibn ‘Abd al-Raḥmān ibn Tamām. (2001). *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Faras, ‘Abd al-Mun‘im ibn ‘Abd al-Raḥīm. (2006). *Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn al-Jawzī, ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Alī ibn Muḥammad. (1422H). *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (1958). *Fatḥ al-Bārī Bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr. (1419H). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. (2003). *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamīyyah.
- Al-Khaṭṭābī, Muḥammad ibn Muḥammad. (1988). *A‘lām al-Ḥadīth Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-Islāmī.
- Al-Kirmānī, Muḥammad ibn Yūsuf ibn ‘Alī ibn Sa‘īd. (1981). *Al-Kawakib al-Darārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Laporan Astro Awani. (2019). *Pembedahan plastik bantu ekonomi pelancongan perubatan di Korea Selatan*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/pembedahan-plastik-bantu-ekonomi-pelancongan-perubatan-di-korea-selatan-202511>
- Laporan Kosmo. (2023). ‘Syaitan Manusia’ Miliki Paling Banyak Implan Tanduk. 31 Mac. <https://www.kosmo.com.my/2023/03/31/syaitan-manusia-miliki-paling-banyak-implan-tanduk/>

- Laporan Utusan Malaysia, Wartawan Luar Negara. (2022). *Remaja Menyesal Jalani Pembedahan Tukar Jantina*. 13 Julai, 11:00 am. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/07/remaja-menyesal-jalani-pembedahan-tukar-jantina/>
- Al-Mahallī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm. (1999). *Kitāb Sharḥ al-Waraqāt fī Uṣūl al-Fiqh*. Palestin: Jāmi‘at al-Quds.
- Mohammad Sufiyan Osman, Adilawati Asri, Shaikh Azahar. (2021). *Falsafah Alam Takambang Jadi Guru Dalam Kearifan Tradisi Masyarakat Iban: Seni Tatu*. UnisZa, Asian People Journal.
- Muhammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli, Wan Nur Deeni Wan Ali. (2006). *Pembedahan Plastik Dan Rekonstruksi Yang Melibatkan Pengubahan Ciptaan Allah SWT: Analisis Berdasarkan Parameter Maqasid Syariah*. Surgery 117, no. 1
- Al-Munjid, Muḥammad Ṣāliḥ. (T.th). *al-Durūs li al-Shaykh Muḥammad al-Munjid*. Raqm al-Dars-322.
- Al-Muqaddam, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ismā‘īl. (1985). *Adillat Taḥrīm Ḥalq al-Lihyah*. Edisi al-Maktabah al-Shāmilah.
- Al-Muqaddam, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ismā‘īl. (1993). *Al-Lihyah Limādhā?* Riyad: Dār Taybah.
- Al-Naḥḥās, Aḥmad ibn Muḥammad. (1409H). *Ma ‘ānī al-Qur’ān*. Makkah al-Mukarramah: Jāmi‘at Umm al-Qurā.
- Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad ibn Shu‘ayb. (2001). *Al-Sunan al-Kubrā*. Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā ibn Sharaf. (1971). *Al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn Ḥajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Naysābūrī, al-Ḥasan ibn Muḥammad ibn Ḥusayn al-Qummī. (1995). *Gharā’ib al-Qur’ān wa Gharā’ib al-Furqān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qāḍī ‘Iyād, ‘Iyād ibn Mūsā ibn ‘Iyād ibn ‘Amrūn. (1998). *Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā’id Muslim*. Mansoura: Dār al-Wafā’.
- Al-Qarāfī, Aḥmad ibn Idrīs ibn ‘Abd al-Rahmān. (1994). *al-Dakhīrah*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Qurṭubī, Aḥmad ibn ‘Umar ibn Ibrāhīm. (1996). *Al-Muṣhim li mā Ushkila min Talkhīṣ Muslim*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Qurṭubī, Makkī ibn Abī Ṭālib. (2007). *al-Hidāyah ilā Bulūgh al-Nihāyah fī ‘Ilm Ma ‘ānī al-Qur’ān wa Tafsīrih*. Sharjah: Jāmi‘ah al-Shāriqah.
- Al-Qurṭubi, Muḥammad ibn Aḥmad al-Ansārī. (1964). *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Rāzī, Ibn Abī Ḥātim. (1997). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Al-Su’udiyah: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Ṣalāḥ ibn Muḥammad al-Fawzān. (2009). *Taghyīr Khalq Allāh Dawābiḥuhu wa Taṭbīqātuhu*. Shah Alam: Al-Madinah International University.
- Al-Shawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Abdullāh. (1993). *Nayl al-Awṭār*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad ibn Jarīr. (2001). *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. Kaherah: Dār Ḥajar.
- Ṭāhir Ibn ‘Āshūr. (1984). *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr (Tahrīr al-Ma’nā al-Sadīd wa Tanwīr al-*

‘Aql al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Majīd). Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah.

Al-Ṭayyār, Mūsā ‘Īd ibn Sulaymān ibn Nāṣir. (2002). *Fuṣūl fī Uṣūl al-Tafsīr*. Damman: Dār Ibn al-Jawzī.

Al-Tha‘labī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm. (2002). *Al-Kashf wa al-Bayān ‘an Tafsīr al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad ibn ‘Isā ibn Sawrah. (2009). *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Damsyik: Dār al-Fikr.

‘Uwayḍah, Maḥmūd ibn ‘Abd al-Laṭīf ibn Maḥmūd. (T.th). *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Ṣalāh*. Edisi al-Maktabah al-Shāmilah.